

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganu sebagai memenuhi keperluan Ijazah Doktor Falsafah

KAJIAN TERPERINCI TERHADAP PENGUATKUASAAN PEMELIHARAAN ARKEOLOGI MARITIM DI MALAYSIA

NIK NURHALIDA BINTI NIK HARIRY

2021

Penyelia Utama : Fahrah Syaliza Mokhtar, Ph.D.
Penyelia Bersama : Profesor Dato' Nor Aieni binti Hj. Mokhtar, Ph.D.
Penyelia Bersama : Ts. Mohd Saiful Izwaan bin Saadon, Ph.D.
Fakulti : Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial

Isu kecurian objek bersejarah oleh pemburu harta karun merupakan isu yang berlaku di perairan Malaysia. Isu ini masih membelenggu dan belum menemui jalan penyelesaiannya. Antara faktor utama yang menyebabkan isu ini berlaku adalah kelonggaran Akta Warisan Kebangsaan 2005 dan Ordinan Perkapalan Saudagar (OPS) 1952 dari segi penguatkuasaan dan pengawasan. Keadaan ini memberikan kesan kepada negara dalam pemeliharaan arkeologi maritim khususnya objek bersejarah dan kapal karam. Dalam memelihara objek bersejarah dan kapal karam di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005, masih terdapat kelonggaran pada akta tersebut, sungguhpun Malaysia juga meratifikasi dua konvensyen antarabangsa iaitu *United Nation Convention Law of the Sea 1982 (UNCLOS)* dan *Konvensyen 2001 the Convention on the Protection of the Underwater Cultural Heritage (CPUCH)* isu kecurian tetap berlaku. Objektif penyelidikan ini adalah untuk memfokuskan kepada permasalahan dalam penguatkuasaan dan pengawasan bagi memelihara objek bersejarah di bawah air dan kapal karam dari dicerobohi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dan menyebabkan kehilangan yang besar buat negara. Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya iaitu menggunakan pendekatan *historis*, *jurisprudens*, *perbandingan* serta *analisis dan kritis* dan turut melibatkan *temubual*. *Temubual* dijalankan dan dianalisis secara *analisis tematik*. Hasil penyelidikan mendapati bahawa, kerjasama daripada semua pihak perlu untuk

memastikan Akta Warisan Kebangsaan 2005 dan Ordinan Perkapalan Saudagar (OPS) 1952 dapat memelihara objek bersejarah dan kapal karam di perairan Negara. Justeru, penyelidik telah menemui penyelesaian dengan mencadangkan beberapa penambahbaikan termasuk meningkatkan langkah-langkah perundangan yang sedia ada. Antara cadangan penambahbaikan adalah dengan memperuntukan seksyen penguatkuasaan dan pengawasan di kawasan tapak karam dan diawasi oleh APMM dan selarikan hukuman antara Akta Warisan Kebangsaan 2005 dan Ordinan Perkapalan Saudagar (OPS) 1952. Penyelidik merumuskan justifikasi pindaan ini sebagai salah satu cadangan terbaik bagi memastikan objek bersejarah di bawah air dapat dipelihara.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Malaysia Terengganu in fulfilment of the requirements for the degree of Doctor of Philosophy

**A DETAILED STUDY ON THE ENFORCEMENT OF MARITIME
ARCHEOLOGY PRESERVATION IN MALAYSIA
NIK NURHALIDA BINTI NIK HARIRY**

2021

Main Supervisor : Fahirah Syaliza Mokhtar, Ph.D.
Co-Supervisor : Professor Dato' Nor Aieni binti Hj. Mokhtar, Ph.D.
Co-Supervisor : Ts. Mohd Saiful Izwaan bin Saadon, Ph.D.
**Faculty : Faculty of Business, Economics and Social
Development**

The issue of theft of historical objects by treasure hunters is an issue that occurs in Malaysian waters. This issue is still plagued and has yet to find a solution. Among the main factors causing this issue is the relaxation of the National Heritage Act 2005 and the Merchant Shipping Ordinance (MSO) 1952 in terms of enforcement and surveillance. This situation affects the country in the preservation of maritime archeology especially historical objects and shipwrecks. In preserving historic objects and shipwrecks under the National Heritage Act 2005, there are still flexibility in the act, although Malaysia has also ratified two international conventions, the United Nations Convention Law of the Sea 1982 (UNCLOS) and the 2001 Convention on the Protection Underwater Cultural Heritage (CPUCH) but this issue still happen . The objective of this research is to focus on the problems in enforcement and surveillance to preserve underwater historic objects and shipwrecks from being encroached by irresponsible parties and causing great loss to the country. This research uses a fully qualitative method that uses historical approaches, jurisprudence, comparison as well as analysis and critical and also involves interviews. Interviews were conducted and analyzed by thematic analysis. The results of the research found that, cooperation from all parties is necessary to ensure that the National Heritage Act 2005 and the Merchant Shipping Ordinance (MSO) 1952 can preserve historic objects and shipwrecks in national waters. The researcher

found the solutions and suggested several improvements including enhancing the existing legislative measures. Among the proposed improvements is to allocate enforcement and surveillance sections in the area of the shipwreck site and monitored by MMEA and align the punishment between the National Heritage Act 2005 and the Merchant Shipping Ordinance (OPS) 1952. Researchers summed up the justification of this amendment as one of the best proposals to ensure that historic underwater objects can be preserved.